

Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289

Jamadilawal / Jamadilakhir 1440 — Februari 2018

BIL: 10 / 2019



Menjadi Pelajar *First Class*

Ikhtilat:

Syarat Berkaitannya

Pemimpin yang

Hebat - Pendengar
Terbaik

Kamus Bahasa

Iban - Melayu

Program Plus Tahfiz: Taklimat Siri 1/2019

Di UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof. Dr. Nasrudin Mohammed
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Shahril Anuar Abdul Ghafim

Nurul Nisha Mohd Shah

Nuruul Hidayah Mansur

Mu'allim Mohd Bakri

Norlela Binti Kamaluddin

Florence Entuyan Anak Joseph Garan

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Kampus Seremban

Persiaran Seremban Tiga/1,

70300 Seremban 3,

Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk
menghantar sebarang artikel
atau komen, boleh email ke
buletin.acis.n9@gmail.com
muallim@ns.uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri kelimabelas atau siri kesepuluh yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "*Menjadi Pelajar First Class*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

- = Ikhtilat: Syarat Berkaitannya (3)
- = Kamus Bahasa (7)
- = Program PLUS Tahfiz (8)
- = Menjadi Pelajar First Class (10)
- = Pemimpin yang hebat - Pendengar Terbaik (15)

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali

Ikhtilat: Syarat Berkaitannya

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

Pada Keluaran Buletin ACIS kesepuluh yang lalu telah dimuatkan satu artikel yang bertajuk "Ikhtilat: Konsep dan Sejarahnya Menurut Islam". Rentetan daripada artikel tersebut, dalam keluaran kali ini, ditampilkan dengan sebuah artikel yang merupakan kesinambungan daripada artikel sebelum ini. Penulisan kali ini lebih terstumpu dari perspektif syarat-syarat yang berkaitan dengan Ikhtilat.

<<Syarat Ikhtilat Menurut Islam>>

Dr Yusuf al-Qardawi ada menyatakan beberapa garis panduan dan syarat-syarat yang wajib berlaku di antara golongan lelaki dan wanita apabila mereka bergaul. Garis panduan ini perlu bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak baik antara mereka apabila bergaul.

Antara garis panduan dan syarat-syarat tersebut adalah:

Syarat Pertama

Mesti menjaga mata di antara mereka. Oleh yang demikian mereka di larang melihat kepada aurat yang lain. Selain itu, mereka dilarang melihat dengan pandangan yang penuh syahwat. Mereka juga tidak perlu melihat sekiranya penglihatan tidak diperlukan sangat. Syarat ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Nur ayat 30 dan 31.

((قُلْ لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغْضِبُوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فِي وُجُوهِهِمْ ذَلِكَ أَزْكِيٌّ لَّهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ۝ وَقُلْ لِّلْمُؤْمِنَاتِ
يَغْضِبْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فِي وُجُوهِهِنَّ ۝))

Maksudnya : Katakanlah kepada orang lelaki yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya dan memelihara kemaluannya. Yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat....".

Syarat Kedua

Bagi golongan wanita pula hendaklah mereka menjaga pakaian mereka agar kelihatan sopan dan tidak menampakkan aurat kecuali muka dan kedua tapak tangan mereka. Mereka dilarang memakai pakaian yang diperbuat daripada kain yang nipis. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Nur juga ayat 31:

((وَلَا يَبْدِئُنَّ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهُنَّ وَلَيَضْرِبَنَّ بِخَمْرٍ هُنَّ عَلَىٰ جِيَوْبِهِنَّ))

Maksudnya : *Dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya kecuali yang biasa nampak darinya. Dan hendaklah mereka menutup kain tudung ke dadanya...*

Beberapa para Sahabat telah menjelaskan bahawa perkataan ‘apa yang biasa nampak darinya’ adalah muka dan kedua tapak tangan. Allah SWT juga ada berfirman mengenai arahan semoga berpakaian sopan :

((ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَنْ يَعْرَفُنَّ فَلَا يَؤْذِنُونَ))

Maksudnya : *Yang demikian itu, supaya mereka lebih mudah dikenal, kerana itu mereka tidak akan diganggu.*

Maksudnya di sini adalah gaya yang sopan ini dapat membezakan antara wanita yang lembut daripada wanita yang kasar.

Syarat Ketiga

Dari sudut percakapan atau suara pula, mereka hendaklah mengelakkan diri daripada menggunakan suara yang boleh mendatangkan kejahanatan. Sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Quran :

((فَلَا تَخْضُعْنَ بِالْقَوْلِ فِي طَمْعِ الَّذِي فِي قُلُوبِهِ مَرْضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَعْرُوفًا))

Maksudnya : *Maka janganlah kamu tunduk dalam berbicara sehingga berkeinginanlah orang yang ada penyakit dalam hatinya, dan ucapkanlah perkataan yang baik.*

Syarat Keempat

Dari aspek berjalan pula, hendaklah berjalan sebagaimana yang anjurkan oleh Allah SWT dalam al-Quran :

((وَلَا يُضْرِبُنَّ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيَعْلَمُ مَا يَخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ))

Maksudnya : *Dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar di ketahui perhiasan yang mereka sembunyikan.*

Selain itu mereka hendaklah berjalan sebagaimana yang disifatkan oleh Allah SWT dalam al-Quran. Firman Allah SWT dalam surah al-Qashah ayat 25 :

((فَجَاءَهُنَّ أَحَدًا هُمْ شَيْءٌ عَلَى إِسْتِحْيَاءٍ))

Maksudnya : *Kemudian datanglah kepada Musa salah seorang dari kedua wanita itu berjalan dengan keadaan malu.*

Syarat Kelima

Perkara yang seterusnya adalah dari segi pergerakan. Hendaklah pergerakkan mereka tidak terlalu kasar dan tidak terlalu lemah longlai. Alat solek juga jangan di pakai ketika berada sesama lelaki yang bukan mahram.

Syarat Keenam

Begitu juga dengan bauan wangи-wangian daripada minyak wangi. Hendaklah di jauhi kesemua bentuk minyak wangi apabila hendak melakukan urusan sesama lelaki yang bukan mahram. Warna-warna perhiasan yang sepatutnya di pakai di rumah juga janganlah memakainya semasa keluar di jalanan atau bertemu dengan lelaki yang bukan mahram

Syarat Ketujuh

Di tegah sama sekali bersunyi-sunyian di antara lelaki dan wanita sedang tiada di antara mereka mahram.

Syarat Kelapan

Hendaklah pertemuan tersebut terhad kepada tujuan yang penting sahaja. Bukannya keluar suka-suka sehingga membazirkan masa yang sepatutnya digunakan oleh golongan wanita tadi untuk menguruskan rumah tangga.

Oleh yang demikian, bolehlah dinyatakan bahawa terdapat ikhtilat yang dibenarkan dalam Islam bergantung kepada keadaan tertentu dengan adab-adab dan garis panduan yang dipatuhi seperti dijelaskan di atas. Segala garis panduan hendaklah dipatuhi agar segala aktiviti tersebut berjalan dalam keadaan yang aman daripada fitnah dan menepati kehendak syara'.



Kamus Bahasa Iban - Melayu

Oleh : Norlela Binti Kamaluddin (Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

dan

Florence Entuyan Anak Joseph Garan (Pelajar AM1203A)

	Bahasa Iban	Bahasa Melayu
1.	Aku	Saya
2.	Nuan	Awak
3.	Makai	Makan
4.	Ngirup	Minum
5.	Pulai	Pulang
6.	Indai	Emak/Ibu
7.	Apai	Ayah/Bapa
8.	Aki	Datuk
9	Inik	Nenek
10.	Menyadik	Adik-beradik
11.	Nama berita?	Apa khabar?
12.	Ai	Air
13.	Asi	Nasi
14.	Laki	Lelaki
15.	Indu	Perempuan
16.	Anang	Jangan
17.	Kitai	Kita
18.	Enda	Tidak
19.	Enda Ngawa / Nadai Ngawa	Tidak mengapa
20.	Lelengau	Rindu

PROGRAM *Plus* TAHFIZ

TAKLIMAT SIRI 1/2019 DI UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN


Oleh : Nuruul Hidayah Binti Mansor
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)



Program Plus Tahfiz UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah mula dilaksanakan pada bulan Ogos 2018 bagi kemasukan sesi interim Julai 2018 sebagai usaha awal menyokong pengenalan program baru

(Plus Tahfiz). Namun secara rasminya pelaksanaan dilaksanakan bermula bulan

Jumlah Peserta Program Plus Tahfiz Yang Berdaftar Rasmi Sesi Mac 2019 Mengikut Kampus UiTM Cawangan Negeri Sembilan





September 2019 dan berlangsung selama 14 minggu sesi pengajian. Pelaksanaan program ini dijalankan serentak di ketiga-tiga kampus iaitu Kuala Pilah, Seremban dan Rembau.

27 Februari 2019: Perjumpaan dan Taklimat program Plus Tahfiz dijalankan serentak di ketiga-tiga kampus (Kuala Pilah, Seremban dan Rembau) bertujuan memberikan

maklumat yang lebih jelas berkaitan pelaksanaan Program Plus Tahfiz kepada para peserta program di samping meraikan peserta-peserta baru dari pelajar sesi kemasukan Mac 2019.

Program dihadiri Penyelaras Plus Tahfiz dan Jurulatih-jurulatih Plus Tahfiz. Program dilihat memberi impak yang positif dan perlu diteruskan pada masa akan datang.



Menjadi Pelajar *First Class*

Oleh : Shahril Anuar Abdul Ghalim & Nurul Nisha Mohd Shah

(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Kampus Rembau)



Selamat datang diucapkan kepada semua pelajar untuk semester baru – Semester Mac-Julai 2019.

Pastinya setiap kali pada permulaan semester, setiap pelajar telah menamkan azam untuk belajar bersungguh-sungguh bagi mencapai cita-cita termasuklah mendapatkan CGPA yang lebih baik daripada semester lepas. Mereka kelihatan teruja untuk masuk ke dalam kelas, berjumpa dengan sahabat-sahabat bagi berkongsi kegembiraan dengan pencapaian semester lepas, juga tidak sabar untuk bertemu dengan

pensyarah yang bakal mengajar subjek yang lebih mencabar.

Namun, adakah cukup dengan rasa keterujaan sahaja dapat membantu mereka mendapatkan apa yang mereka inginkan? Tidak dinafikan rasa teruja itu penting dalam memacu mereka untuk menjadi lebih bersemangat setiap kali masuk ke dalam kelas. Namun apa yang lebih penting adalah kesediaan mereka secara mental dan fizikal bagi menjadi seorang Pelajar *1st Class*.


Pelajar terbaik atau *1st class* bukanlah mereka yang cemerlang daripada aspek akademik semata-mata. Dalam kontek zaman moden hari ini, seorang pelajar terbaik perlulah melengkapkan diri mereka dengan pelbagai ilmu dan kemahiran namun tetap memegang teguh pada akhlak yang baik. Inilah sebenar-benar ciri pelajar terbaik yang diimpi untuk dilahirkan oleh semua institusi pengajian tinggi, bukan hanya di Malaysia bahkan seluruh dunia.

Bukan mudah untuk menjadi Pelajar *1st Class* ini. Namun dengan ilmu dan strategi yang betul, tidak ada apa yang mustahil di dunia.

Di sini, ingin berkongsi bersama dengan semua pelajar tentang



pengaplikasian teknik menjadi Pelajar *1st Class*. Ia merupakan satu konsep yang mudah untuk dilaksanakan oleh semua pelajar. Namun, apa yang penting adalah sifat istiqamah dalam melaksanakannya supaya hasil yang dingini dapat dicapai dengan baik.



Teknik untuk menjadi Pelajar 1st Class

DOA

Mulakan segala urusan dengan doa. Hal ini kerana dengan memanjatkan doa kepada Allah sebelum melakukan sesuatu perkara terutamanya hal belajar maka pelajar telah menetapkan dalam minda bahawa anda tidak punyai kuasa. Yang berkuasa untuk melaksanakan sesuatu hanyalah Allah s.w.t. Ini juga adalah bukti bahawa anda hanya bergantung kepada kekuatan Allah s.w.t untuk membantu anda dalam melaksanakan semua pekerjaan. Jadi sebelum para pelajar ingin mula belajar maka eloklah memulakannya dengan berdoa kepada Allah s.w.t agar membuka dan menerangkan hati agar mudah untuk memahami ilmu tersebut.

NIAT

Niat merupakan GPS hati kita. Rasulullah s.a.w telah menegaskan bahawa; “*Sesungguhnya segala amal atau pekerjaan itu tergantung kepada niatnya dan sesungguhnya setiap orang akan memperoleh sesuai dengan niatnya. Barang siapa yang berhijrah karena Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya itu akan memperoleh pahala dari Allah dan Rasul-Nya dan barang siapa yang berhijrah karena dunia ataau karena wanita yang ingin ia nikahi, maka hanya itulah yang diperoleh dari hijrahnya*”. (Muttafaqun ‘alaih).

Jika para pelajar meletakkan niat belajar semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah maka Allah akan mempermudahkan urusan anda menuju ke jalan kebaikan. Namun jika anda hanya berniat semata-mata untuk lulus peperiksaan maka ada kemungkinan anda akan melupakan segala ilmu yang telah dipelajari setelah lulus peperiksaan tersebut. Maka pastikan apabila anda mahu mula belajar, maka niatkan usaha menuntut ilmu ini untuk menjadikan diri anda bermanfaat kepada orang lain. InsyaAllah, Allah akan mempermudahkan usaha anda dan kita semua, dan memberi barakah-Nya dalam setiap ilmu yang diperolehi.

VISUALISASI

Visualisasi merupakan gambaran awal yang diwujudkan dalam minda sebelum ia menjadi realiti. Jadi jika anda membayangkan bahawa kelas yang bakal anda hadiri adalah kelas yang menyeronokkan, mempunyai rakan-rakan yang baik dan membantu, pensyarah yang memudahkan cara penyampaian ilmu maka apa yang akan terjadilah adalah seperti yang telah anda visualisasikan. Ini juga adalah salah satu sebab mengapa ada pelajar yang dapat menjawab soalan dengan baik sewaktu peperiksaan dan ada yang tidak. Jika anda selalu menyatakan bahawa subjek itu susah maka secara tidak langsung anda telah membayangkan dalam minda bahawa ia susah, walaupun sebenarnya mudah! Oleh itu, berhati-hatilah dengan apa yang sedang anda bayangkan. Pastikan anda sentiasa visualisasikan perkara-perkara yang positif sahaja. Mutiara kata ada menyatakan *If You Can Visualize It, You Can Achieve It.*

Dari Abu Hurairah radliyallaahu 'anhu, ia berkata bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, Allah أَنَّمَا عِنْدَكُمْ مُّؤْمِنُونَ بِالإِجَابَةِ وَأَعْلَمُو أَنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحِيْبُ دُعَاءً مِّنْ قَلْبٍ غَافِلٍ لَّا هُوَ سَمِيعٌ

"Aku sesuai dengan persangkaan hamba pada-Ku." (Muttafaqun 'alaih).

Fikir yang baik-baik, pasti yang baik juga akan datang.

KEYAKINAN

Tanpa keyakinan dan kepercayaan bahawa diri anda boleh berjaya maka segala usaha anda akan menjadi sia-sia. Kepercayaan ini merupakan satu faktor yang menghubungkan kepada pemikiran dan tindakan yang positif. Orang yang berjaya adalah orang yang sentiasa positif dan percaya pada kebolehan dirinya tatkala orang sekeliling tidak mempunyai keyakinan pada mereka.

Rasulullah ﷺ bersabda,

ادْعُوا اللَّهَ وَأَنْتُمْ مُّؤْمِنُونَ بِالإِجَابَةِ وَأَعْلَمُو أَنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحِيْبُ دُعَاءً مِّنْ قَلْبٍ غَافِلٍ لَّا هُوَ سَمِيعٌ

"Berdoalah kepada Allah dalam keadaan yakin akan dikabulkan, dan ketahuilah bahawa Allah tidak mengabulkan doa dari hati yang lalai."

(Hadis Riwayat At-Tirmidzi)

TINDAKAN

Bertindaklah dengan segera! Itu adalah ciri-ciri orang yang berjaya. Tindakan akan membezakan mereka yang berjaya luar biasa dengan mereka yang biasa-biasa. Walau bagaimanapun, tindakan yang diambil haruslah sesuai dengan keadaan. Ambillah tindakan yang akan membawa kepada kebaikan. Firman Allah dalam surah Al'Israa', ayat 19 yang bermaksud "*Dan sesiapa yang menghendaki akhirat dan berusaha mengerjakan amal-amal yang baik untuk akhirat dengan usaha yang layak baginya, sedang dia beriman, maka mereka yang demikian keadaannya, diberi pahala akan amal usahanya.*"

Contoh tindakan yang boleh diambil oleh para pelajar adalah menyediakan jadual waktu yang seimbang untuk urusan pelajaran dan peribadi. Jangan hanya kerana terlalu asyik ingin mengejar kecemerlangan akademik maka hubungan sesama insan telah dikorbankan. Ingatlah anda adalah manusia yang mempunyai keperluan untuk bersosial. Namun jangan terlalu alpa bersosial sehingga melupakan urusan pelajaran. Ingat.. Uruskan masa dengan baik agar anda mendapat kejayaan dunia dan akhirat.

ISTIQAMAH

Firman Allah Taala dalam Surah Hud ayat 112 bermaksud: "*Maka tetaplah kamu pada jalan yang benar, sebagaimana diperintahkan kepadamu dan (juga) orang yang telah bertaubat besertamu dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah Maha melihat apa yang kamu kerjakan*".

Ayat diatas telah jelas menunjukkan bahawa istiqamah adalah perkara yang paling penting dan tunjung kepada semua aspek yang telah dinyatakan di atas. Hal ini kerana, tanpa istiqamah, segala tindakan adalah seperti peribahasa hangat-hangat tahi ayam. Istiqamah ini amat penting bagi memastikan semua tindakan yang diambil dapat membantu penghasilan keputusan yang diingini. Jika para pelajar telah membuat jadual waktu, maka pastikan anda mengikutinya. Gunakan reminder agar anda sentiasa dalam keadaan terkawal. Istiqamah juga merupakan asas kepada sikap disiplin dan kesungguhan dalam mendapat sesuatu yang membawa kepada pencapaian segala impian pada masa hadapan.

Ternyata, bukan mudah untuk menjadi Pelajar 1st Class terutamanya zaman kini. Banyak dugaan dan cabaran yang harus ditempuh. Walau bagaimanapun anggaplah segala cabaran dan halangan yang mendarat itu segala batu lonjatan kepada anda untuk pergi lebih jauh dalam hidup. Pelajar 1st Class sentiasa sedar bahawa kejayaan yang sebenar bukanlah semata-mata pencapaian terbaik di dunia. Namun yang telah penting adalah kita semua dapat masuk ke dalam syurga Allah dengan segala amalan yang telah kita lakukan di dunia ini. InsyaAllah.

Pemimpin Yang Hebat Pendengar Terbaik

Oleh : Shahril Anuar Abdul Ghalim & Nurul Nisha Mohd Shah

(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Mediia Kampus Rembau)



“Manusia dilahirkan dengan dua telinga dan satu mulut. Jadi, banyak-kanlah mendengar daripada berkata-kata.”

Itulah mutiara kata yang sering diucapkan tatkala menyentuh berkenaan peri pentingnya menjadi seorang pendengar yang baik. Menjadi pendengar yang baik juga merupakan salah satu ciri yang amat penting yang perlu ada pada seorang pemimpin yang hebat. Kehebatan seorang pemimpin itu dilihat bukan sekadar pada ilmu kepimpinan, boleh mengeluarkan hujah berfakta, boleh memberikan arahan bahkan yang paling utama adalah boleh menjadi seorang pendengar yang baik dan setia kepada anak-anak buahnya.

Walau bagaimana pun, bukan mudah

untuk menjadi pendengar yang baik. Ia memerlukan kesabaran dan keikhlasan. Hal ini kerana ramai antara kita yang lebih suka untuk bercakap dan mengeluarkan pendapat sendiri daripada mendahulukan pendapat orang lain. Pada zaman media sosial ini juga, setiap individu ingin kelihatan menonjol atau *visible*. Jadi kebanyakannya berusaha menjadi pemberi maklumat daripada pendengar kepada maklumat yang disampaikan. Keikhlasan dalam mendengar pula adalah berusaha mewujudkan sifat empati dalam diri sewaktu menjadi pendengar. Sifat empati ini dapat dijelaskan sebagai meletakkan diri dalam situasi orang yang sedang berbicara. Apabila kita dapat merasai emosi yang cuba disampaikan oleh pembicara maka

hubungan silaturrahim yang lebih erat akan dapat dijalankan dan individu tersebut dapat merasakan keikhlasan kita dalam menjalankan hubungan dengannya. Keadaan ini juga dapat dijelaskan sepetimana firman Allah s.w.t dalam surah An-Nisa, ayat 1 yang bermaksud:

“Dan bertaqwalah kepada Allah yang dengan namaNya kamu saling meminta, dan (peliharalah) hubungan kekeluargaan. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasimu.”

Seorang pemimpin yang mengamal-

kan ciri pendengar yang baik akan selalu dihormati dan dikasihi oleh para pekerjanya. Hal ini kerana dia seakan telah berjaya menakluk hati dan mendapatkan kepercayaan orang bawahannya. Menjadi pendengar yang baik juga adalah satu bentuk penghargaan daripada seorang ketua kepada anak buahnya. Para pekerja merasa selesa untuk berkongsi segalanya bersama pemimpin mereka. Keadaan ini pasti akan melahirkan suasana yang harmoni dan tenang seterusnya melahirkan pekerja yang berdedikasi dan komited kepada tugasannya.

Antara tips yang boleh diikuti oleh pemimpin dalam menjadi pendengar terbaik adalah:

- 1) Punyai sebab yang kukuh kenapa anda perlu mendengar maklumat tersebut.
- 2) Melihat wajah orang yang sedang bercakap.
- 3) Meletakkan jari dibibir (sebagai kiasan bahasa badan) untuk tidak bercakap sehingga orang yang sedang bercakap menghabiskan percakapannya.
- 4) Menunjukkan bahasa badan yang sesuai dengan mesej yang disampaikan.
- 5) Memberikan maklum balas hanya apabila diminta.
- 6) Sentiasa memberikan layanan sebagaimana kita mahu dilayani
- 7) Praktis.. Praktis.. dan Praktis

Kesimpulannya, apabila seorang pemimpin menjadi pendengar yang terbaik kepada anak buahnya maka dia seakan memberikan hak yang sepatutnya kepada mereka. Walau bagaimanapun, ia tetap memerlukan komitmen yang baik daripada kedua-dua belah pihak (orang yang sedang mendengar dan orang yang hendak didengari). Seorang pemimpin yang berjaya mempraktikkan teknik menjadi pendengar yang baik pastinya dapat mewujudkan suasana harmoni di tempat kerja dan akan melayani setiap pekerja dibawahnya seperti ahli keluarganya sendiri. Hubungan silaturrahim yang terjalin dapat melahirkan pekerja yang sentiasa ikhlas dalam menjalankan tugas dan akan sentiasa memberikan yang terbaik dalam apa juga yang mereka lakukan. Wallahu alam.